

20 SEP 2002

Belanjawan-Wanita

PERUNTUKAN BESAR UNTUK KEMENTERIAN WANITA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Belanjawan 2003 menyaksikan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga diberi peruntukan sebanyak RM99.1 juta iaitu peningkatan 68 peratus berbanding tahun ini.

Ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peruntukan ini adalah selaras dengan pengiktirafan berterusan yang diberikan oleh kerajaan kepada peranan wanita dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Perdana Menteri berkata selaras dengan hasrat mengutamakan keluarga, kerajaan bersetuju menambahkan lagi cuti isteri bersalin bagi suami daripada tiga kepada tujuh hari bagi meringankan urusan keluarga.

Kerajaan juga bersetuju memberi cuti tanpa rekod sebanyak tiga hari untuk anggota perkhidmatan awam yang kematian anggota keluarga terdekat untuk membantu mereka mengendalikan urusan keluarga, katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata menerusi Program Pembangunan Keluarga, sebanyak 10 buah Kompleks Kasih Keluarga di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara akan dibina tahun depan.

Dalam usaha meringankan beban pindah milik sesama keluarga, kerajaan mencadangkan agar surat cara pindah milik hartanah di antara suami dan isteri, serta ibu bapa dan anak atas dasar kasih sayang dikecualikan duti setem sebanyak 50 peratus.

"Pada masa ini, ramai antara kita yang merungut kerana terpaksa membayar duti setem bagi pindah milik hartanah walaupun kepada mereka yang tersayang," katanya.

Mengenai ibu tunggal yang dianggarkan hampir 130,000 orang atau 1.2 peratus daripada bilangan penduduk wanita, Perdana Menteri berkata kerajaan juga akan menyediakan program khusus bagi menjaga kebajikan mereka.

Katanya, kerajaan akan memberi keutamaan kepada ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM600 sebulan untuk memiliki rumah kos rendah secara berkelompok.

"Dengan itu, kerajaan juga dapat membantu anak-anak mereka dengan menyediakan kemudahan seperti pusat jagaan kanak-kanak, pendidikan dan kesihatan," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata bagi memupuk semangat mengutamakan keluarga, perbelanjaan oleh syarikat seperti mengadakan hari keluarga, dibenarkan untuk potongan cukai manakala manfaat percutian percuma yang dinikmati oleh pekerja dan keluarga kini tidak dikenakan cukai.

-- BERNAMA

RV MFJ MOZ